

30 JULY 2000

Suleiman-Benci

BUDAYA BENCI PEMIMPIN BOLEH HANCURKAN NEGARA, KATA SULEIMAN

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Kerajaan tidak dapat mentadbir negara dengan baik sekiranya perasaan membenci pemimpin negara dijadikan amalan di negara ini, kata Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Suleiman Mohamed.

"Elakkan pemikiran tidak sihat ini kerana jika ia menjadi budaya, negara akan hancur," katanya kepada pemberita selepas merasmikan dialog permuafakatan sosial Kampung Pandan di sini hari ini.

Katanya, amalan itu bukan sahaja boleh menjejaskan keamanan negara tetapi juga menghancurkan keharmonian negara yang selama ini menjadi kunci kejayaan.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kesan kempen membenci terhadap pemimpin oleh sesetengah pihak kini di peringkat bahaya.

Mengenai majlis itu, Suleiman, yang juga anggota parlimen kawasan Titiwangsa, berkata dialog permuafakatan sedemikian mampu menangani pelbagai permasalahan yang dihadapi penduduk setempat.

"Setakat ini sambutannya (dialog) amat baik dan kita turut menjemput parti-parti pembangkang dan pertubuhan bukan kerajaan untuk bersama-sama berdialog untuk mengatasi masalah setempat," katanya.

Dialog sehari yang berkonsepkan perjumpaan bulanan itu sebelum ini diadakan di Kampung Baru, Datuk Keramat dan Setapak.

Antara objektifnya ialah membangkitkan semangat cintakan kampung dan komitmen penduduk setempat terhadap kawasan setempat masing-masing.

-- BERNAMA

JAI AZZ AKD